



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 17 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	BEKALAN LEMBU CUKUP UNTUK IBADAH KORBAN WALAUPUN TIADA IMPORT DARI THAILAND, BERNAMEA -ONLINE PETUGAS DIVAKSIN ANTARA SOP KORBAN, NASIONAL, BH -15 IBADAH KORBAN DI TERENGGANU SURAM, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	64 SET BUBU NAGA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	FAMA KECUALIKAN SEWA TAPAK PASAR TANI, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8.	LANGIT BIRU DAN SAWAH MENGHIJAU, LOKAL, HM -21 RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU, UM -24 ALLAH TINGGIKAN DAULAT SERTA ADIL, KEKAL PERINTAH JAMALULLAIL, TITIPAN KASIH RAKYAT TERPILIH, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

Bekalan lembu cukup untuk ibadah korban walaupun tiada import dari Thailand



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan : Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) menyampaikan bantuan makanan kepada seorang usahawan pasar tani pada program MAFI Prihatin di Japerun Rim.

JASIN, 17 Julai -- Bekalan ternakan lembu mencukupi bagi menampung permintaan umat Islam menjalankan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha, Selasa ini biarpun kerajaan menghentikan pengimportan lembu dari Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata tindakan menghentikan import lembu dari Thailand itu dikuatkuasakan sejak awal bulan lepas, untuk mengekang penularan penyakit kulit kental berbonjol (LSD).

Katanya harga bagi bekalan lembu hidup juga masih terkawal iaitu di paras RM5,000 hingga RM5,500 seekor mengikut kos keseluruhan bagi ternakan haiwan ruminan itu.

"Kementerian menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan di ladang-ladang seluruh negara dan umat Islam tidak perlu bimbang kerana haiwan ternakan untuk sembelihan sedia ada masih mencukupi.

"Walaupun pengeluaran daging lembu atau tahap sara diri (SSL) ketika ini sekitar 20 peratus tetapi kami banyak mengimport dari negara lain untuk keperluan kosmetik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di Simpang Bekoh di sini hari ini.

Terdahulu beliau menyampaikan bantuan MAFI Prihatin melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kepada 426 penerima di tujuh lokasi di Jasin hari ini.

Sementara itu, Ahmad berkata menerusi agihan pada program itu, sebanyak 1.5 metrik tan buah-buahan dan sayur-sayuran seperti pisang Sabah, terung, kobis bulat dan sayur sawi diberikan kepada penerima.

Katanya sehingga 15 Julai lepas pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja telah memberi manfaat kepada 23,977 orang yang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan badan bukan kerajaan (NGO) di 104 lokasi seluruh negara membabitkan penyaluran makanan sebanyak 41.7 metrik tan.

"Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan merupakan kesinambungan program ini yang merupakan inisiatif serampang dua mata di samping membantu petani memasarkan lebih hasil pertanian dan dalam masa sama dapat membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat COVID-19," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Petugas divaksin antara SOP korban

SOP ketat cegah risiko penularan pandemik ketika laksana ibadah

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penerima dua dos vaksin COVID-19 diberi keutamaan untuk bertugas dalam pelaksanaan ibadah korban.

Perkara itu antara prosedur operasi standard (SOP) umum ibadah korban dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Antara SOP lain ditetapkan bagi kawalan penularan dan jangkitan adalah mewujudkan kaunter di pintu masuk, pemeriksaan suhu, sanitasi tangan dan rekod aplikasi MySejahtera.

Petugas juga diwajibkan me-

makai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal melebihi satu meter, mengelakkan 3S (berseesak, ruang rapat/tertutup dan perbualan jarak dekat).

Pada masa sama, petugas yang dipilih hendaklah sihat, tidak bergejala dan bukan pengidap penyakit kronik.

Pelaksanaan korban juga perlu dapatkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan Permit Penyembelihan Ternakan dari Pejabat Veterinar Negeri dan Daerah.

Semua program korban perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan peserta ibadah korban mewakilkan kepada penyembelihan atau wakil yang dilantik.

Bagi SOP Pelaksanaan Ibadah Korban pula, proses penyembelihan, melapah dan keratan asas digalakkan untuk dilaksanakan di rumah penyembelihan. Kawasan masjid dan surau hendaklah sesuai, bersih, selamat dan tidak berhampiran saluran awam serta dapat kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT).

Potongan kecil, bungkus dan pembahagian daging hendaklah dibuat di tempat lapang dan tidak menyebabkan kesesakan.

Bagi sembelihan korban selain dari rumah sembelihan ditetapkan tidak melebihi lima ekor sehari, bilangan petugas tidak melebihi 10 orang bagi setiap haiwan dan mengelakkan 3S.

Agihan bahagian peserta korban dilaksanakan petugas dengan penghantaran terus kepada peserta mengambil bahagian dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang ditetapkan.

Agihan dengan kehadiran peserta pula menetapkan jumlah peserta ketika pengambilan daging tidak boleh melebihi petugas dalam satu-satu masa dan semua pihak mengelakkan 3S.

Aktiviti tidak dibenarkan adalah gotong-royong ibadah korban, majlis perasmian dan pelancaran, jamuan dan kenduri.

Peserta ibadah korban juga tidak dibenarkan hadir bagi menyaksikan penyembelihan di tempat penyembelihan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2021	KOSMO	NEGARA	14

8,500 permit dipohon berbanding 14,000 tahun lalu

Ibadah korban di Terengganu suram

Oleh NOOR HAYATI MAMAT

HULU TERENGGANU – Haiwan yang disembelih sebagai ibadah korban di Terengganu pada Hari Raya Aidiladha tahun ini yang akan disambut Selasa depan akan berkurangan hampir 40 peratus berbanding tahun lalu.

Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr. Ahmad Fadhil Mohamad Syuaib Asren berkata, setakat ini, pihaknya cuma terima 8,500 permohonan permit menyembelih haiwan ternakan sebagai ibadah korban daripada penternak seluruh negeri itu.

"Ia pengurangan 39.3 peratus berbanding 14,000 permit yang telah dikeluarkan JPV negeri bagi tujuan sama pada tahun lalu.

"Saya tidak tolak kemungkinan penurunan permohonan permit sembelihan haiwan korban tersebut disebabkan perkembangan semasa pandemik Covid-19 yang masih belum reda," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Ahmad Fadhil memberitahu, 8,100 permit sembelihan haiwan untuk ibadah korban yang diluluskan agensinya melibatkan lembu, manakala selebihnya kerbau dan kambing.

Begitupun, beliau tidak menolak kemungkinan sedikit lagi permohonan permit haiwan sembelihan untuk ibadah korban akan diluluskan pada saat-saat akhir setelah kelulusan diterima oleh pejabat agama Islam daerah masing-masing.

"Apa pun, saya berharap pe-



PERMOHONAN permit sembelihan haiwan diterima JPV Terengganu berkurangan pada tahun ini. – GAMBAR HIASAN

serta ibadah korban terlibat dapat sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengelak penularan Covid-19.

Kosmo! pada 2 Julai lalu melaporkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) membenarkan pelaksanaan ibadah korban dan aqiqah sempena Hari Raya Aidiladha.

Yang Dipertua Maidam, Da-

tuk Osman Muda berkata, selain rumah penyembelihan, ibadah korban hanya dibenarkan dilakukan di pekarangan masjid dan surau dan kawasan lapang di negeri ini.

"Hanya lima ekor lembu dibenarkan untuk dikorban di pekarangan masjid, surau dan kawasan lapang pada setiap hari dengan kehadiran maksimum 10 petugas," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	24

64 set bubu naga dirampas

Lumut: Agensi Penguakuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 64 set peralatan bubu naga bernilai RM7,680 di kedudukan 3.0 batu nautika barat daya Pulau Talang Segari, di sini, kelmarin.

Pengarah APMM Perak, Kapten Maritim Shahrizan Raman, berkata pada operasi pertama pihaknya merampas 42 set bubu naga sebelum merampas lagi 22 set peralatan berkenaan di kawasan sama pada jam 3.15 petang.

Pemeriksaan di lokasi mendapati pelampung digunakan seba-

gai penanda kepada bubu naga yang dipasang pihak tidak bertanggungjawab bagi meraih hasil tangkapan dengan jalan mudah.

“Semua bubu naga yang dianggarkan bernilai RM120 seunit berkenaan dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh, Sitiawan untuk tindakan lanjut.

“Pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan,” katanya dalam kenyataan, semalam.



Anggota Maritim Malaysia merampas bubu naga di kedudukan 3.0 batu nautika barat daya Pulau Talang Segari, kelmarin. (Foto ihsan APMM)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

FAMA kecualikan sewa tapak pasar tani



FAMA akan memberikan pelepasan pembayaran sewa tapak kepada usahawan pasar tani di seluruh negara susulan operasinya tidak dapat dijalankan semasa Fasa Satu PPN. - Gambar hiasan/BERNAMA

JASIN: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memberikan pelepasan pembayaran sewa tapak kepada usahawan pasar tani di seluruh negara susulan operasinya tidak dapat dijalankan semasa Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata menerusi inisiatif itu ia akan memberi manfaat kepada seramai 13,181 usahawan tani di 312 lokasi di Malaysia bagi mengurangkan beban mereka dalam tempoh mencabar ketika ini.

"Bagaimanapun beberapa negeri yang berada di kategori Fasa Dua PPN, mereka akan dibenarkan kembali menjalankan perniagaan di pasar tani dengan kadar sewa seperti biasa.

"Namun sewa tapak yang dikenakan sebelum ini juga adalah sangat rendah dan berpatutan iaitu antara RM5 hingga RM7 di setiap lokasi bagi membayar kos permit dan penyelenggaraan kepada pihak berkuasa tempatan," katanya kepada pemberita di Rim di sini hari ini.

Terdahulu beliau mengiringi Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sekitar daerah Jasin.

Zainal berkata daripada keseluruhan 312 tapak pasar tani di seluruh negara hanya 12 pasar tani yang dibenarkan beroperasi selepas negeri-negeri tertentu beralih ke Fasa Dua PPN.

Sementara itu katanya bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan serta pemasaran makanan, FAMA juga telah mewujudkan 55 Pasar Segar Terkawal (PST) yang melibatkan 2,241 usahawan tani di seluruh negara.

Katanya kewujudan PST telah memberi ruang kepada usahawan tani untuk terus menjana pendapatan dengan sebanyak RM57.95 juta nilai jualan direkodkan sepanjang tempoh 1 Jun hingga 15 Julai lepas.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Langit biru dan sawah menghijau



SEORANG petani melakukan kerja sawah berlatarbelakangkan pemandangan Gunung Jerai di Kampung Alor Gelanggang, Yan. Kedah masih belum dapat beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berikutan nilai imbangan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk ke Fasa 2 PPN tidak dapat dicapai berikutan berlaku penambahan pesakit positif Covid-19 di kawasan industri di Sungai Petani dan Kulim serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua kawasan itu. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR



RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU

TINTA BAI'AH TAAT SETIA



DATO' SERI AZLAN BIN MAN
YAB MENTERI BESAR PERLIS

"PELAN DIGITAL PERLIS 2021-2025,"
PEMACU NEGERI BANDARAYA 2030

Gelembang digital pada masa kini terus membadai masyarakat sejagat serta mencapai skala yang tidak pernah tercapai sebelum ini dan telah mengubah lanskap gaya hidup masyarakat sama sekali di seluruh pelusuk dunia. Perlis, jika dilihat lima tahun yang lalu, sudah begitu banyak perubahan yang telah dilakukan dari pelbagai aspek pembangunan mahupun pengurusan. Ini terbukti dari segi saluran komunikasi dan kaedah berinteraksi di antara satu sama lain, cara belajar, berurusan, malah cara memantau kesihatan diri sekali pun, semuanya sudah jauh berbeza dengan sentuhan teknologi.

Teknologi yang maju seperti kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* ("AI"), internet benda atau *internet of things* ("IoT"), analitiks data raya atau *big data analytics* serta blok rantai atau *blockchain*; semuanya telah mengubah corak ekonomi negeri dan cara hidup masyarakat di Perlis. Dengan perkembangan ini, Kerajaan Negeri Perlis telah mengambil inisiatif memperkenalkan Pelan Digital Negeri Perlis 2021-

2025, sebagai langkah awal menghubungkan kerajaan, rakyat dan swasta menerusi platform digital.

Bagi mencapai Perlis Negeri Bandaraya 2030, pelan ini akan menentukan halatuju, prinsip dan strategi digitalisasi pelbagai sektor di Negeri Perlis. Selain itu, secara objektifnya, pelan ini juga adalah untuk mewujudkan ekosistem digital yang holistik di dalam Negeri Perlis merangkumi perkhidmatan awam, pengurusan syarikat kerajaan negeri dan gaya hidup digital oleh rakyat negeri ini.

Selain itu, melalui Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCR) 2021-2025 (SDP), teknologi termaju sangat diperlukan dalam menyokong pelbagai projek pemangkin dan program modal insan untuk rakyat Perlis. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Perlis telah berganding bahu bersama NCIA dalam melaksanakan pendekatan tiga-serampang. Ini adalah seperti yang termaktub di dalam SDP iaitu termasuklah menyediakan pembangunan modal insan, merencanakan pertumbuhan pelaburan, meningkatkan keterhubungan dan infrastruktur strategik dalam memastikan kewujudan peluang pekerjaan serta pendapatan rakyat lebih terjamin.

Salah sebuah projek utama yang diharap dapat memulakan proses pemulihan ekonomi di Perlis ialah Chuping Valley Industrial Area (CVIA). Kerja-kerja pembinaan bagi menyiapkan Fasa Pertama pembangunan CVIA yang berkeluasan 440 ekar kini sedang rancang dijalankan dan dijadualkan siap pada Jun 2022. Pelaburan melebihi RM460 juta di samping lebih 600 peluang pekerjaan baharu kini sedang dalam perancangan terdiri daripada syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang pembuatan peralatan

kesihatan, elektrik dan elektronik, pendidikan serta industri pertanian pintar (*smart farming*).

Meskipun berdepan dengan pandemik (Covid-19), Kerajaan Negeri Perlis masih mampu dan berupaya menarik minat pelabur menerusi potensi sedia ada bagi merangsang pertumbuhan kawasan berkenaan dengan pelbagai aktiviti perniagaan yang berasaskan inovasi serta intensif pengetahuan dalam sektor pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi. Sebanyak lebih dari 12,000 peluang pekerjaan bakal diwujudkan apabila kawasan pembangunan yang jumlah keluasan 2,488 ekar ini siap sepenuhnya kelak. Diharapkan projek-projek lain seperti Pelaburan Darat Perlis (PIP), Koridor Bersepadu Maritim Sanglang, dan Pusat Perniagaan Antarabangsa Padang Besar (PBI2) juga akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

Keazaman Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis ini adalah selaras dengan Titah DYMM Raja Perlis agar kerajaan negeri terus memberikan perhatian kepada usaha meningkat dan memantapkan lagi ekonomi Negeri Perlis. Usaha berterusan kerajaan negeri ini juga ialah apabila menyedari realiti situasi ekonomi yang sentiasa dinamik dari semasa ke semasa. Pelaburan bersaiz mega dan berimpak tinggi yang memberikan faedah besar kepada rakyat negeri ini akan terus diberikan perhatian kerana kesannya kelak akan dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis.

**ALLAH TINGGIKAN DAULAT SERTA ADIL,
KEKAL PERINTAH JAMALULLAIL**

DAULAT TUANKU I



YB AZMAN MOHD YUSOF
SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERLIS

KELESTARIAN PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS DALAM PELBAGAI SEKTOR

Memperkasakan perkhidmatan awam merupakan salah satu aspek yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Perlis. Sektor perkhidmatan awam adalah tulang belakang pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri, sama seperti di negara-negara maju mereka mempunyai sektor perkhidmatan awam yang disegani serta berfungsi dengan cekap dan profesional. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis juga telah merangka beberapa pelan yang akan memacu pembangunan sumber manusia dan kemajuan negeri Perlis. Keprihatinan DYMM Tuanku Raja Perlis telah memberikan semangat yang jitu kepada seluruh jentera pentadbiran negeri untuk terus bergerak ke hadapan.

Selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri untuk Perlis menjadi "Negeri Bandaraya" pada 2030, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pelan Digital Perlis 2021 - 2025 sebagai langkah strategik untuk mentransformasikan Perlis menjadi "Negeri Digital". Fokus utama Pelan Digital Perlis melibatkan tiga elemen utama iaitu kerajaan, rakyat dan swasta. Pelan Digital Perlis menumpukan kepada tujuh kluster utama iaitu kluster perkhidmatan kerajaan,

infrastruktur, masyarakat, ekonomi, pelancongan dan pertanian serta kluster keselamatan. Pelan ini diharap dapat memacu kemajuan Negeri Perlis ke arah pengaplikasian teknologi digital dalam urusan pentadbiran dan kehidupan seharian.

Selain itu, dalam usaha untuk menjana ekonomi, produktiviti dan kebajikan seluruh rakyat Negeri Perlis, Kerajaan Negeri juga telah merangka Bajet 2021 dengan tema "meningkatkan keberkesanan, merangsang pembangunan, membela kebajikan demi keharmonian". Bajet ini memfokuskan kepada pemulihan ekonomi dan kualiti hidup rakyat, pemantapan penyediaan perkhidmatan serta pembangunan ekonomi yang mampan. Kerajaan Negeri komited untuk terus melaksanakan penambahbaikan dalam pelbagai sektor tanpa melupakan kebajikan rakyat keseluruhannya.

Sebagai usaha untuk memajukan sektor pelancongan, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Pelan Induk Perancangan Fizikal Pelancongan Negeri Perlis pada tahun 2020 sebagai pelan strategik untuk menetapkan hala tuju pembangunan pelancongan Negeri Perlis seiring dengan hala tuju negara, untuk menyatu dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pilihan destinasi pelancongan dunia. Pelan ini juga berhasrat untuk mempelbagaikan pendapatan negeri dan negara. Kemajuan industri pelancongan akan menarik kedatangan pelancong ke Negeri Perlis dan secara tidak langsung turut memberi kesan positif kepada sosio ekonomi dan sosial rakyat Negeri Perlis. Selain itu, ia dijangka berupaya mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru, menjana peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan kepada rakyat negeri ini. Sehubungan dengan itu, kerjasama jentera kerajaan, swasta dan penyertaan segenap lapisan rakyat akan menjadikan hasrat ini lebih cepat direalisasikan dan dapat dinikmati oleh semua.



"Beta mengalu-alukan langkah-langkah yang diambil untuk mewujudkan Kerajaan Digital melalui transformasi pentadbiran negeri secara berperingkat melalui proses "restart", "revitalize" dan "reform". Semua pihak mesti bersedia menerima perubahan yang akan dibawa oleh Kerajaan Negeri. Semua pihak wajib memberi sokongan penuh kepada usaha ini untuk berjaya."

"Usaha membudayakan penggunaan teknologi digital di kalangan rakyat tidak akan berjaya sepenuhnya jika prasarana digital itu tidak dinaiktarafkan. Kerana itu, Beta ingin menggesa supaya prasarana dan connectivity dalam sistem komunikasi perlu ditingkatkan."

- DYMM TUANKU RAJA PERLIS -

ALLAH TINGGIKAN DAULAT SERTA ADIL, KEKAL PERINTAH JAMALULLAIL

TITIPAN KASIH RAKYAT TERPILIH



DATO' SERI DR CHEN CHAW MIN
KETUA SETIAUSAHA
(04.07.2015 - 03.02.2021)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Baginda mempunyai sifat peramah, tenang, tidak ego dan pri penyayang yang amat tinggi kepada rakyat negeri Perlis. Semua rakyat Perlis amat baik, jujur dan ikhlas yang dilakukannya dan aspek ekonomi, sosial, agama dan lain lain oleh Baginda selalunya untuk kemajuan dan kesejahteraan negeri Perlis dan rakyatnya.



DATO' SURIANI DATO' AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USHAHAWAN DAN KOPERASI

Sebagai anak jati negeri Perlis, kecergasannya perasaan bangga, terharu dan sangat bersyukur itu sentiasa teramat dalam sanjambel kerena Baginda memiliki kepribadian mulia yang amat dihayati dan diagumi. Kebijaksanaan serta sifat tepincion unjukan hasrat oleh Baginda tidak pernah gantung. Menyumbang kasih sikaada Baginda yang mempunyai rakyat negeri Perlis dengan penuh kasih sayang dan keprihatinan yang tidak ternak.



DATO' YUSRAN SHAH MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Baginda sangat mengambil berat terhadap pembelajaran, pendidikan di negeri Perlis. Di bawah naungan pemerintahan baginda, negeri Perlis akan menyaksikan kejayaan pembangunan pendidikan melalui pemindahan beberapa institusi pendidikan. Selain itu, Baginda telah meluluskan Agensi negeri, beralih perhatian dan beralih menyempatkan perhatian beliau kepada institusi pendidikan di seluruh negeri Perlis melalui Majlis Kemajuan Islam dan Agri (Majlis Melayu Perlis dan Agri) negeri Perlis sentiasa memajukan bahawa semua anak-anak di negeri Perlis yang terdorong daripada menerima pendidikan.



DATO' HASLINA ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA

Memincu negeri Perlis ke arah kejayaan serta kecekmatan. Jasa Baginda tidak bandingan dalam memperkasakan dan memantapkan pertanian sektor agropeternakan, Pioda, Hortumatis Perlis kini semakin gah dan maju di seluruh negara. Memberi manfaat dalam memajukan kesejahteraan rakyat jelata. Menyumbang kasih Tausia Raja Perlis.



DATO' KAMEL MOHAMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Baginda amat memihak kepada pendidikan. Satu pesanan Baginda yang ikhlas dalam ingatan saya dan selalu saya berikong dengan pelajar setiap kali malam ke sekolah ialah " Kerana PENDIDIKAN tuah-puan berada di mana tuah-puan berada hari ini!" "How are what you are today because of education."



MOHD ZAMRI MAT ZAIN
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PELANCONGAN)
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

Ke Pekan Arau mericani tulin Carlin juga di buah pala. Tausia Doyang rakyat jelata Watari dijaga rambu dibina. Elok terserah hiasan di dada. Segak dengan keris bersiang. Tausia dan rakyat berpisah tiada. Tunggak gemintang Perlis-comatong. Perik harammudu di hujung Rya. Buah lama buah priakan. Perkasa pelancongan dan juga budaya. Tausia bersama jayakan wntakan.



DATO' AZMAN MAHMUD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(10.02.2014 - 31.03.2021)
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

Baginda sentiasa prihatin dan prika terhadap usaha-usaha untuk memajukan ekonomi ekonomi negeri Perlis terutamanya dalam penambahbaikan infrastruktur, penciptaan tenaga kerja mahir, keusahawanan dan pembangunan mizu perniagaan yang menjadikan perniagaan yang sangat penting dalam memana pelaburan dalam sektor bukasakan inovatif dan pemertahanan tenaga serta proses-pelaksanaan perniagaan. Berusaha untuk negeri ini kesinambungan pandemik Covid-19.



DATO' AHMAD ZAMRI QHAIRUDDIN
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN WILAYAH UNIT PERANCANGAN EKONOMI, JAKATAN PERKHIDMATAN

Negeri Perlis bertuah kerana mempunyai seorang Raja yang sangat prihatin dalam usaha untuk memajukan ekonomi serta pembangunan rakyat negeri ini. Baginda amat mengartikan aspek pembangunan dan pembangunan serta berpandangan jauh mengenai perniagaan dan pembangunan Raja Perlis. Beliau memajukan hal-hal pembangunan negara baginda. Selain itu, Baginda juga amat dihayati kerana mempunyai a very good sense of humour.



MD SAIF ABD RAHMAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF UNIT PENERUA AGENDA BUMIPUTERA (TERAJU)

Baginda merupakan pemangku unggul yang cukup dikenali dengan sifat penyayang dalam menyokong rakyat jelata. Baginda amat prihatin dan berpandangan jauh dalam membangunkan masyarakat berkeadilan penerangan dan modal insan. Berkeadilan sangat bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan pembangunan dan kualiti hidup yang lebih tinggi. Agak di bawah naungan Baginda, rakyat Perlis akan terus maju dan diarahkan Allah SWT. Semoga Allah SWT terus melimpahkan rahmat dan berkekalan ke atas Baginda dan negeri Perlis.



DATO' SUHARA SALLEH
TIMBALAN PENGARAH BELANJAWAN NEGARA SEKTOR PERKHIDMATAN AM

Baginda adalah Raja yang amat mementa berkesan soal agama, keadilan rakyat dan juga pembangunan negeri Perlis. Sehubungan itu, rakyat negeri Perlis amat berbangga dan berhasrat mempunyai Raja yang berjiwa rakyat.



DATO' ZULFIOR OSMAN
ANWAR ABDULLAH
MALLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Baginda amat prihatin terhadap kesejahteraan rakyatnya, terutama ketika mengharung waktu sukar seperti sekarang. Solongan yang Baginda zahirkan terhadap segala insiatif Agensi Pusat inenjadi perantaraan kepada usaha untuk mempromosi keadilan rakyat serta kasih terhadap ekonomi negeri. Semoga Perlis terus maju di bawah naungan Baginda.



MELJEN DATO' HJ MUHAMMAD ANWAR ABDULLAH
ASISTEN KETUA STAF PERKHIDMATAN ANGGOTA BAHAGIAN PERKHIDMATAN ANGGOTA MARKAS ANKATAN TENTERA MALAYSIA

Tausia Raja Perlis merupakan Raja Perintah yang berprestasi dan berkeadilan tinggi. Seperti Raja yang berjiwa rakyat dengan keadilan tinggi sangat baik, amatlah berkeadilan dan berkeadilan prika. Walau bagaimanapun, rakyat negeri Perlis amat berbangga dan berkeadilan tinggi. Berkeadilan tinggi di dalam bidang pertahanan menjadi sumber inspirasi kepada anak jati Perlis terus membara bakat dalam memperkatakan negara jernih.



DATO' ABDUL RAUF RASHID
PENGARAH URUSAN ERNST & YOUNG MALAYSIA

Baginda adalah seorang Raja yang amat dihayati dan dihayati oleh rakyat kerana berkeadilan tinggi dan berjiwa rakyat. Baginda juga sentiasa prihatin terhadap usaha memajukan ekonomi negeri Perlis dan kesejahteraan rakyat.



DATO' CHARON WAIDINI
MOKHZAHI PENGARAH URUSAN KUMPULAN MALAYSIAN INDUSTRIAL DEVELOPMENT FINANCE BERHAD (MIDF)

Raja dan rakyat berbangga tidak. Terfika negara berdepan pandemik Covid-19. Baginda menjadi panyang naungan kerana kurnia jama menyelaami dampak negatif dan memantapkan keyakinan rakyat. Berkeadilan tinggi berbilang bangsa dan agama menjadikan negeri Perlis makmur dan sejahtera di bawah naungan Baginda.



DATO' M. RAJASAKARAN
RAKAN KONGSI PENGURUSAN TETUAN RAJA, DARUL & LOH

Baginda memementa negeri Perlis dengan penuh kesetiaan dan keadilan. Baginda amat memihak kepada keadilan dan kesejahteraan rakyat. Sebagai seorang anak jati Perlis yang dihayati dan dihayati di negeri tersebut, saya amat mengagumi perniagaan Baginda yang adil, cemerlang lagi prihatin, lutan memantapkan keadilan dan keadilan rakyat. Negeri Perlis Selama ini, prihatin Baginda yang berbilang dan berbilang kaum menyempatkan pembangunan dan naungan yang dihayati oleh rakyat dan Baginda.